

Rayuan Sumbangan Jersi untuk Pasukan Ragbi ANSERI

Contributed by Anseri Web Admin
Thursday, 18 October 2012
Last Updated Monday, 13 May 2013

Assalamualaikum
dan salam sejahtera,

Saya bagi pihak ANSERI, ingin memanjangkan rayuan dari adik-adik angkatan 23 dan 24, seperti email dibawah, untuk mendapatkan sumbangan dan penajaan untuk jersi ragbi untuk pasukan ANSERI (untuk 2 pasukan) yang akan bertanding di Kejohanan Ragbi 10 Sebelah Bawah 23 Tahun Tertutup Ansara 2012 pada 24 & 25hb November akan datang.

Kos untuk jersi ini adalah sebanyak RM147 sehelai, dan kos seluruhan untuk 2 pasukan adalah sebanyak RM4410.00.

ANSERI akan menaja kos penyertaan bagi pasukan tersebut ke kejohanan ini. Untuk makluman, pencapaian terbaik untuk pasukan ANSERI adalah sebagai naib johan pada 2010 dan memasuki pusingan suku akhir pertandingan tahun 2011. Semua penyertaan dan pembiayaan sebelum ini adalah dari pemain sendiri.

Bagi warga ANSERI yang sudi menyumbang, anda boleh memberikan sumbangan anda kepada akaun bank berikut:-

Bank: Maybank
Berhad

Nama: Ammar B. Faisal

No Akaun: 102055389121

Email: rugby@anseri.org

Bank: CIMB

Nama: Ammar B. Faisal

No. Akaun: 02050002577207

Email: rugby@anseri.org

Sila emailkan bukti bank-in anda kepada rugby@anseri.org untuk pengesahan.

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga ANSERI yang sudi menyumbang. Sila panjangkan email ini kepada semua rakan-rakan ANSERI anda.

Anda semua juga dijemput hadir untuk menyokong pasukan ANSERI pada kejohanan nanti. Maklumat lanjut tentang perlawanan boleh dilihat dilaman Facebook

ANSERI - <http://www.facebook.com/groups/anseri>

Ikhlas dariANSERI

-----Original
Message-----

From: Ammar Faisal [mailto:ammarfaisal91@gmail.com]
Sent: Wednesday, October 17, 2012
10:01 PM
To: nazaruddin@anseri.org
Cc: aida@anseri.org; ridzuan@anseri.org; fahroe@anseri.org
Subject: Jersey sponsor for Anseri Rugby Team.

Salam.
Saya Ammar
Bin Faisal, wakil dari pasukan Kraken Burst Series Ragbi Batch 23 dan
24. Di sini saya sertakan quotation jersi ragbi untuk pasukan (15
helai satu pasukan)

Harga jersi seperti yang tertera iaitu RM 147/sehelai. Kami
berharap agar pihak ANSERI dapat membantu memberi sedikit sumbangan
bagi mendapatkan jersi pasukan. Hanya satu set (15 helai) jersi pasukan
sahaja yang diperlukan.

Kami amat berterima kasih sekiranya pihak ANSERI dapat
memberi sumbangan supaya pasukan kami lengkap berjersi pada Kejohanan
Ragbi 10 Sebelah Bawah 23 Tahun Tertutup Ansara 2012 pada 24 &
25hb November.

Terima Kasih.
Yang benar,
Ammar B.
Faisal